



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

SISTEM NOTIFIKASI PELEPASAN DARI LOKAP

Dalam misi Badan Kehakiman Malaysia untuk meningkatkan kualiti penyampaian informasi yang cekap selaras dengan perkembangan teknologi, Badan ini akan melaksanakan Sistem Notifikasi Pelepasan Dari Lokap (*Lock-Up Release Notification System*) mulai 15 Jun 2021. Sistem tersebut akan dilaksanakan secara rintis bermula di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur dan Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor.

Sistem Notifikasi Pelepasan Dari Lokap adalah sebuah sistem yang akan memaparkan status penyelesaian pembayaran denda dan pembebasan tertuduh sebagai tahanan lokap yang telah dijatui hukuman denda sahaja. Status tersebut akan dipaparkan pada skrin *Queue Management System* (QMS) tanpa memerlukan pergerakan atau kehadiran tahanan lokap semasa pembayaran denda.

Pada asalnya, proses pembebasan hanya boleh dilakukan di Kaunter Pejabat Pendaftaran Mahkamah yang berkenaan dengan kehadiran tertuduh. Melalui pelaksanaan sistem ini, tiada keperluan bagi pihak polis Mahkamah untuk membawa tertuduh ke Kaunter Pejabat Pendaftaran, sekaligus dapat mempercepatkan lagi proses menunggu pembebasan, meminimalkan pergerakan tahanan lokap dan memudahkan orang awam serta ahli keluarga tertuduh untuk mengetahui status pembebasan tertuduh

Badan Kehakiman Malaysia berharap inisiatif yang dilaksana dapat meningkatkan kualiti akses kepada keadilan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi secara optimum sekaligus mengurangkan risiko penularan penyakit berjangkit dengan meminimumkan pergerakan terutamanya sewaktu musim pandemik COVID-19 ini.

Agensi kerajaan, peguam atau orang awam yang mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh berhubung dengan pihak berikut:

Bahagian e-Kehakiman

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

No. Tel : 03-8880 3587

E-mel : ekehakiman@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 11 Jun 2021